



SEBATANG jalan raya dilihat rosak akibat banjir ketika tinjauan di Kampung Raga semalam.



ZAKARIA ISMAIL bersama isterinya, Salimah Yahaya membersihkan hadapan rumahnya yang dipenuhi lumpur akibat banjir di Kampung Teloi Bukit semalam.



MOHD. SHUKOR SAID memindahkan basikal anaknya akibat banjir sejak kelmarin di Kampung Teloi Bukit semalam.

685 penduduk di Kedah dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa banjir

# Rumah, sekolah dinaiki air

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**YAN** - Seramai 685 penduduk daripada 172 keluarga di 14 buah kampung dalam tiga daerah di negeri ini dipindahkan ke pusat pemindahan selepas rumah mereka ditenggelami banjir sejak kelmarin.

Sebanyak enam pusat pemindahan dibuka di daerah ini iaitu di Kampung Teroi Bukit, Kampung Titi Teras, Kampung Batu 18 1/2, Kampung Batu 22, Kampung Setar dan Kampung Lubuk Boi.

Bagi Daerah Kuala Muda, empat pusat pemindahan dibuka di Kampung Tepi Sungai di Kota Kuala Muda serta Kampung Sungai Rotan, Kampung Guar Stesen dan Kampung Batu 5 di Gurun.

Di Baling, pusat pemindahan yang dibuka ialah di Kampung Machang Bubok, Kampung Banggol Enggok, Kampung Seputeh dan Kampung Tawar.

Kebanyakan rumah mula dinaiki air sejak pukul 6 petang

kelmarin selepas hujan lebat berterusan selama dua jam.

Selain itu, empat buah sekolah turut dinaiki air iaitu Sekolah Kebangsaan Nyak Gam dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Guar Chempedak di Yan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Choong Cheng di Tanjung Dawai di Kuala Muda serta Sekolah Kebangsaan Bukit Pinang di Kepala Batas, Alor Setar.

Pegawai Bencana Operasi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kedah, Mejar (PA) Imran Azemi berkata, sehingga pukul 4.30 petang semalam, jumlah mangsa turun kepada 480 orang daripada 123 keluarga yang ditempatkan di 10 pusat pemindahan yang masih aktif.

"Jumlah mangsa paling ramai adalah di daerah ini yang membabitkan seramai 236 mangsa daripada 61 keluarga diikuti daerah Kuala Muda seramai 140 orang daripada 53 keluarga dan Baling seramai 44 mangsa dari-

pada sembilan keluarga," katanya di sini semalam.

Kata beliau, sebanyak empat pusat pemindahan di Surau Kampung Lubuk Boi di Yan; Kampung Batu 5 di Gurun dan surau Kampung Seputeh serta surau Kampung Tawar di Baling yang menempatkan kira-kira 200 mangsa ditutup sejak pagi semalam kerana banjir telah surut.

Sementara itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Yan, Roslan Ishak berkata, banjir berlaku disebabkan limpahan beberapa sungai utama seperti Sungai Teroi dan Sungai Yan ekoran hujan lebat berterusan sejak pukul 4 petang semalam selain air laut pasang besar.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Teroi Bukit, Ghani Zakaria, 51, berkata, kebanyakan rumah penduduk di situ dinaiki air sehingga paras pinggang mengakibatkan banyak barang rosak.

## Ribut petir, hujan lebat di utara Semenanjung

**KUALA LUMPUR** - Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Perlis dan Pulau Pinang serta beberapa daerah di Kedah dan Perak dijangka berterusan sehingga lewat pagi semalam.

Jabatan Meteorologi dalam laman webnya semalam berkata, antara daerah yang terlibat di Kedah ialah Langkawi, Kubang Pasu, Pokok Sena, Kota Setar, Yan, Pendang, Kuala Muda, Baling serta Kulim dan Bandar Baharu.

Di Perak, ia melibatkan Kerian, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Perak

Tengah dan Hilir Perak.

Semalam, beberapa kawasan rendah di Pulau Pinang termasuk Bayan Lepas, Batu Maung, Relau dan Teluk Bahang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dinaiki air berikutan hujan lebat yang berterusan.

Jabatan Pertahanan Awam Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dalam kenyataan semalam berkata, setakat 6.15 pagi semalam, 30 mangsa banjir daripada 13 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan..